



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58
Bil. 6

17hb Mac 2005

TAMBAHAN
No. 3

No. 274.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 261)

PEMBERITAHU KEPADA PEMEGANG GADAI MENGENAI SIASATAN

Kepada Tetuan Yacob & Rakan-rakan yang beralamat di No. 45-1, Jalan Intan 2, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Adalah diberi notis bahawa saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Taiping pada hari Selasa, 29hb Mac, 2005 jam 3.00 petang.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar pajakan/ pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
Batu Kurau	5467	G.M. 6266 Luas 1.1129 hektar	Semua bhg.	—	Pers. No. 345/2003

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Batu Kurau	5466	G.M. 6942 Luas: 1.1938 hektar	Semua bhg.	—	Pers. No. 345/2003

Bertarikh 18 Mac 2005
[PTLM 369/02/2005/02]

HAJI MD. SHAFIE BIN HAJI MUDA
b.p. Pentadbir Tanah
Larut, Matang dan Selama

No. 275.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya Haji Md. Shafie bin Haji Muda, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah;

Dan saya selanjutnya memerintah—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Khamis, 24hb Mac 2005, jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Larut dan Matang, Taiping;
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu RM220,000.00; (dua ratus dua puluh ribu ringgit sahaja); dan
 - (c) bukan Simpanan Melayu.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah RM:
- (a) RM2,025,824.94 OCBC Bank (Malaysia) Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas ialah RM22,000.00 (Dua puluh dua ribu ringgit sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan iaitu, tidak lewat dari tarikh 23hb Julai 2005 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (d) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Trong. No. Lot—344. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1135 Luas: 4.9498 hektar. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No: 2122/1997 Jilid: 52 Folio: 128 dan Pers. No. 2134/1997 Jilid: 52 Folio: 129.

Bertarikh 25 Februari 2005

[PTLM 369/25/2004/10]

Lelongan 1

HAJI MD. SHAFIE BIN HAJI MUDA

b.p. Pentadbir Tanah

Larut, Matang dan Selama

Hakcipta Pencetak^(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA